

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 13, 2020 9:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pencak Silat Sumbang Emas Di MASUM Fasa Satu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2020 / 19 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Sukan

PENCAK SILAT SUMBANG EMAS DI MASUM FASA SATU



UUM ONLINE: Silat tempur yang diwakili atlet UUM telah berjaya meraih pingat emas pada Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), baru-baru ini.

Pelajar Sarjana Muda Perbankan, Muhammad Faqih Che Lah berjaya memikat juri apabila mengungguli silat tempur dalam Kategori Putra H, sekali gus mengatasi Universiti Malaysia Pahang dengan mata 5-0.

Terdahulu, di peringkat suku akhir, Muhammad Faqih menewaskan pesilat dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dengan mata 5-0, diikuti peringkat separuh akhir bertemu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan mata 3-2.

“Saya sukakan cabaran dan meminati bidang seni mempertahankan diri kerana silat adalah jiwa dan inspirasi yang mengajar erti kehidupan sebenar.

“Saya cukup bersemangat beraksi dan tidak sangka akan meraih emas. Emas ini hadiah buat UUM dan semua yang sentiasa memberi sokongan padu,” katanya yang pernah mewakili negeri Perlis Untuk Sukma Perak 2018 dan wakil Malaysia IPT di UTHM 2019.

Mengulas lanjut penglibatannya dalam silat, Muhammad Faqih bermula sebagai pengurus pasukan pencak silat olahraga UUM yang diberi nama *Phoenix Utara*.

Menurutnya, dia diberi peluang oleh *senior* untuk belajar teknik baharu dan berlatih bersama atlet yang lain sebelum menjadi atlet pencak silat olahraga UUM yang sebenar.

Selain itu, katanya, nasihat jurulatih, Mohd Sobri Hashim bahawa kesantunan, disiplin, rendah diri, usaha dan tekad dalam diri yang menjadikan seseorang itu berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi, sentiasa tersemat di sanubari.

Sementara itu, Ketua Kontinjen, Za’im Ahmad yang juga Pengarah Pusat Sukan berkata, Karnival Sukan MASUM Fasa Satu di UiTM Cawangan Perlis menyaksikan Kontinjen UUM mengambil bahagian dalam sembilan jenis acara sukan daripada 11 acara yang dipertandingkan.

Antaranya karatedo, softbol, badminton, catur, ping pong, sepak takraw, tenis, pencak silat, dan bola keranjang.

“Semangat juang yang ditunjukkan oleh para atlet amat memberansangkan dan saya berharap mereka akan berusaha lebih gigih untuk membuat yang terbaik dan menggapai kejayaan,” katanya.

Ujarnya, penyumbang pingat utama Kontinjen UUM dalam karnival ini merupakan pasukan pencak silat dengan 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Pingat perak telah disumbangkan oleh Namirra Nadjahn Emlih dalam silat tempur Kategori Putri C.

Manakala dua pingat gangsa disumbangkan oleh Siti Nur Zulaikha Mohd Asri dalam acara silat tempur Kategori Putri Bebas dan acara silat seni regu yang diwakili oleh Nurulhuda Muhamad, Sharifah Nur Atikah Tuan Dalam dan Nur Harnani Ibrahim.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.